

Terapi air rangsang kanak-kanak autisme

anak sihat

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**
maria.zakaria
@utusan.com.my

AUTISME atau *Autism Spectrum Disorder (ASD)* adalah gangguan perkembangan saraf yang mempengaruhi kemampuan anak dalam berkomunikasi, interaksi sosial, dan tingkah laku.

Lazimnya kanak-kanak autisme akan menunjukkan respon yang negatif dalam berkomunikasi dengan orang lain, mengasingkan diri dan keadaan yang tidak fleksibel dengan orang lain.

Walaupun dikategorikan dalam golongan Orang Kurang Upaya (OKU), ada anak-anak autisme mempunyai tenaga yang sangat aktif, berpusing-pusing atau berlari tanpa penat.

Untuk itu, cara terbaik untuk mengalirkan tenaga yang banyak dalam kalangan anak-anak autisme ini ialah melalui aktiviti bagi menarik perhatian mereka.

Hakikatnya, rawatan autisme masih belum ditemui tetapi program berstruktur dan pengurusan pada peringkat awal umur boleh



SEBAHAGIAN daripada pelajar Projek Mega Pelajar Kokurikulum Berkredit Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama kanak-kanak yang menyertai program Terapi Air Autisme di Serdang, Selangor baru-baru ini.

berperanan meningkatkan fungsi diri apabila dewasa kelak.

Terdapat pelbagai cara yang ditawarkan untuk meningkat dan membina keupayaan deria kanak-kanak ini bagi membantu koordinasi dan kemahiran motor.

Terkini, terapi air khusus untuk kanak-kanak autisme, yang memberi pilihan kepada ibu bapa merangsang

perkembangan motor, memperbaiki kestabilan, dan pemulihan otot anak mereka.

Untuk itu baru-baru ini, seramai 19 keluarga telah 'berkampung' di kolam renang Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyertai program

Terapi Air Autisme anjuran pelajar-pelajar UPM dari pelbagai bidang.

Fasilitator Renang Asas Kokurikulum Berkredit UPM, **Khairul Na'im Yaakub**, 28, berkata, penganjuran

program tersebut adalah sebahagian daripada Projek Mega Pelajar Kokurikulum Berkredit UPM.

Katanya, program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perilaku kanak-kanak autisme.

"Apa yang kami lakukan hari ini selain memenuhi keperluan dan kehendak mata pelajaran atau silibus itu sendiri, juga adalah untuk memberi pendedahan

kepada pelajar dan ibu bapa mengenai terapi yang boleh diberikan kepada kanak-kanak autisme.

"Apabila program sebegini diadakan, turut memberi peluang

kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa untuk lebih mengenali dan memahami 'watak' kanak-kanak autisme itu sendiri.

"Yang penting, terapi air ini dilihat dapat membantu merangsang kanak-kanak autisme daripada pelbagai aspek terutama perkembangan motor halus dan kasar, serta apa sahaja kesukaran berkaitan dengan pergerakan. Ini sekali gus membuatkan mereka lebih mudah menerima pembelajaran lain," ujarnya ketika ditemui di kolam renang UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tambah Khairul Na'im, terapi air juga dilihat membantu mengurangkan tekanan selain dapat menenangkan diri, melentur otot saraf, dan melancarkan peredaran darah.

Melibatkan kanak-kanak autisme berumur antara empat hingga 20 tahun, dia menjelaskan, penyertaan hanya dibuka kepada kanak-kanak autisme tahap sederhana dan yang tidak tahu berenang.

Sepanjang program tersebut, pelajar-pelajar juga diberi tanggungjawab untuk mengajar asas renang kepada peserta.

Walaupun hanya berlangsung selama tiga jam, mereka turut memberi fokus utama pada postur dan tindak balas pergerakan kanak-kanak autisme kerana memberi manfaat menyeluruh kepada

TERAPI air membantu kanak-kanak autisme membina kepercayaan kepada orang keliling mereka.

perkembangan kemahiran motor halus dan visual, koordinasi bilateral, integrasi deria, perhatian dan kognisi atau kepercayaan.

Katanya, sungguhpun kanak-kanak autisme ini menjalani terapi air, dalam masa sama mereka masih memerlukan terapi fisio dan cara kerja.

Terapi ini menyediakan penghidap dengan ruang untuk meningkatkan kesedaran diri dengan tingkah laku, perasaan dan sikap, bersosial dan berkomunikasi.

Ternyata kejayaan sebelum ini membuktikan bahawa kanak-kanak autisme boleh dididik melalui program pendidikan yang bersepadu dan terancang.

Keunikan corak pembelajaran mereka adalah disebabkan kepelbagaian masalah lain yang berkait dengan masalah autisme itu sendiri seperti masalah tingkah laku, emosi, komunikasi, sosial, dan kognitif.

Bagi mencapai objektif pembelajaran kanak-kanak autisme ini, semua pihak yang terlibat terutama guru-guru hendaklah mempunyai kerjasama yang erat dengan ibu bapa murid.

Matlamat utama adalah supaya kemahiran dan pendekatan yang diajar, diteruskan dan diaplikasikan oleh ibu bapa di rumah.

Gambar **AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN**

TERAPI air merangsang kanak-kanak autisme dari pelbagai aspek.